



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

**(Perbadanan) Persekutuan Budak-Budak Pengakap
Malaysia**

DR.42/1968

RANG UNDANG² (PERBADANAN) PERSEKUTUAN BUDAK² PENGAKAP-MALAYSIA

SUSUNAN FASAL

Fasal

1. Tajok ringkas dan pemakaian.
2. Tafsiran.
3. Memperbadankan Persekutuan Budak² Pengakap, Negeri² Tanah Melayu dan Persekutuan Budak² Pengakap di-Sabah dan Sarawak.
4. Matlamat Perbadanan.
5. Tujuan dan maksud² Perbadanan.
6. Majlis.
7. Meteri Perbadanan.
8. Daftar ahli².
9. Kaedah² dan Undang²-kecil.
10. Memindah-milik harta dan tanggungan dsb.
11. Menggunakan pendapatan dan harta.
12. Sekatan atas penjualan lenchana, dsb., Persekutuan.
13. Memiliki lenchana dan sekatan atas menggunakan lenchana.
14. Pemansokhan.

SUATU RANG UNDANG²

bernama

Suatu Act bagi memperbadankan Persekutuan Budak² Pengakap Malaysia (atau dalam bahasa Inggeris "Boy Scouts Association of Malaysia"), dan bagi maksud² yang berkenaan dengan-nya.

[]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, saperti berikut :

1. (1) Act ini boleh-lah di-namakan Act (Perbadanan) Persekutuan Budak² Pengakap Malaysia, 1968.

Tajok
ringkas
dan
pemakaian.

(2) Act ini hendak-lah di-pakai di-seluruh Persekutuan.

2. Dalam Act ini melainkan jika kandungan ayat-nya meng-
hendaki ma'ana yang lain—

Tafsiran.

"Ordinance" erti-nya—

(a) Ordinance Budak² Pengakap, Negeri² Tanah Melayu;

60 tahun
1953.

(b) Ordinance Persekutuan Budak² Pengakap, 1951, Sabah; atau

32 tahun
1951.

(c) Ordinance Persekutuan Budak² Pengakap, 1951, Sarawak;

Bab 99.

"Pengakap" termasuk-lah Anak Serigala, Budak Pengakap, Pengakap Kanan, Pengakap Kelana, Pemimpin Pengakap, Ahli Pereman Persekutuan atau Ahli Kumpulan Baden-Powell yang di-iktiraf sa-demikian oleh Ordinance;

"Perbadanan" erti-nya Persekutuan Budak² Pengakap Malaysia (atau dalam bahasa Inggeris "Boy Scouts Association of Malaysia") yang di-perbadankan oleh Act ini;

"Persekutuan" erti-nya Persekutuan Budak² Pengakap, yang di-rujok di-bawah Ordinance.

Memper-
badankan
Persekutuan
Budak²
Pengakap,
Negeri²
Tanah
Melayu dan
Persekutuan
Budak²
Pengakap
di-Sabah
dan
Sarawak.

3. (1) Orang² yang sa-belum sahaja Act ini mula berkuat-kuasa menjadi ahli Persekutuan dan semua Pengakap yang sa-lepas ini menjadi ahli Perbadanan menurut peruntukan² Act ini atau mana² Kaedah² yang di-buat di-bawah-nya hendak-lah menjadi suatu pertubohan yang di-perbadankan dengan nama Persekutuan Budak² Pengakap Malaysia (atau dalam bahasa Inggeris "Boy Scouts Association of Malaysia").

(2) Perbadanan hendak-lah kekal turun temurun dan boleh membuat kontrek, dan boleh memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menggunakan harta yang boleh di-aleh dan yang tak boleh di-aleh dari segala jenis dan boleh memindah, memindahmilk, memberi, menyerah dan melepaskan, menggadai, menggadai-janji, memajak, memberi sa-mula atau dengan jalan lain melepaskan, atau menguruskan, apa² harta yang boleh di-aleh atau yang tak boleh di-aleh yang menjadi kepunyaan Perbadanan mengikut syarat² yang di-fikirkan-nya patut.

(3) Perbadanan boleh menda'awa dan di-da'awa dalam mahkamah dan dalam segala chara da'awaan dan guaman dan boleh melakukan hal² dan perkara² lain yang bersangkutan dan berkenaan dengan sa-suatu pertubohan yang di-perbadankan.

Matlamat
Perbadanan.

4. Matlamat Perbadanan ia-lah untok mengadakan suatu pertubohan yang terbuka kapada semua Pengakap dalam Malaysia bagi membolehkan mereka melaksanakan tujuan dan maksud² Perbadanan yang tersebut dalam seksyen 5, dan bagi melakukan semua perkara lain sa-bagaimana yang di-sifatkan oleh Perbadanan atau Majlis-nya sa-bagai bersangkutan dan berfaedah bagi menchapai tujuan² itu.

Tujuan dan
maksud²
Perbadanan.

5. (1) Tujuan Perbadanan ia-lah bagi menggalakkan kewarganegaraan yang baik di-kalangan budak² dengan membentok watak mereka dan bagi menchapai maksud ini dengan—

- (a) melateh mereka mengenai perangai patoh, ta'at dan bergantung kapada diri sendiri;
- (b) menanam sifat² setia dan bertimbangrasa kapada orang lain;
- (c) mengajar mereka perkhidmatan² yang berguna untok 'awam dan pertukangan tangan yang berguna untok mereka sendiri; dan
- (d) memperbaiki kesuboran jasmani, akal dan rohani mereka.

(2) Prinsip² dan amalan² Perbadanan hendak-lah berdasarkan kepada Ikrar Pengakap dan Undang² Pengakap dan prinsip² dan amalan² lain sa-bagaimana yang diperuntukkan dalam Kaedah² Perbadanan.

6. (1) Urusan² Perbadanan hendak-lah di-tadbirkan oleh suatu Majlis yang di-tubuhkan menurut Kaedah² Perbadanan yang ada pada masa itu. Majlis.

(2) Bagi kali yang pertama ahli² Majlis hendak-lah terdiri daripada Pengakap² yang sa-belum sahaja Act ini mula berkuatkuasa ada-lah ahli² Majlis yang di-tubuhkan di-bawah Kaedah² Persekutuan.

7. (1) Perbadanan hendak-lah mempunyai suatu meteri dan meteri itu boleh dari sa-masa ka-samasa di-pechahkan, ditukar, di-ubah dan di-buat yang lain sa-bagaimana yang di-fikirkan patut oleh Perbadanan. Meteri
Perbadanan.

(2) Segala suratikatan, suratan dan lain² suratchara yang di-kehendaki di-meteri dengan meteri Perbadanan hendak-lah di-meteri dengan meteri Perbadanan menurut suatu ketetapan Majlis bagi maksud itu, di-hadapan orang² yang pada masa itu menjalankan kewajipan² Ketua Pesurohjaya Negara atau sa-orang Penolong Ketua Pesurohjaya Negara dan sa-orang yang lain yang di-berikuasa oleh Majlis dan mereka hendak-lah menandatangani tiap² suratikatan, suratan, atau lain² suratchara yang di-meterikan itu, dan tandatangan itu ada-lah keterangan yang chukup bahawa meteri itu telah di-meteri dengan sempurna dan sa-patut-nya dan ia ada-lah meteri Perbadanan yang sah di-sisi undang².

8. (1) Majlis hendak-lah menyebabkan supaya di-simpan suatu daftar yang di-dalam-nya di-rekodkan nama tiap² Pengakap yang sa-belum sahaja Act ini mula berkuatkuasa menjadi sa-orang ahli Persekutuan atau nama tiap² Pengakap yang sa-lepas Act ini mula berkuatkuasa menjadi sa-orang ahli Perbadanan yang di-terima sa-demikian dengan sempurna-nya dan di-dalam daftar itu hendak-lah di-rekodkan perkara² lain yang dari sa-masa ka-semasa di-tentukan oleh Majlis. Daftar
ahli².

(2) Daftar itu boleh-lah di-simpan mengikut chara sa-bagaimana yang di-putuskan oleh Majlis dari sa-masa ka-semasa dan kewajipan menyimpan bahagian² daftar itu boleh di-wakilkkan kepada mana² ahli atau pegawai Perbadanan.

Kaedah²
dan
Undang²-
kechil.

9. Ada-lah sah bagi Majlis dari sa-masa ka-semasa membuat, mengubah atau membatalkan Kaedah² sa-bagaimana yang di-sifatkan berfaedah bagi menguruskan urusan² Perbadanan dan bagi menchapai tujuan²-nya, dan sa-siapa jua yang pada masa itu menjadi ahli Perbadanan ada-lah terikat kapada segala kaedah dan undang²-kechil itu.

Memindah-
milek
harta dan
tanggungan,
dsb.

10. (1) Segala harta kepunyaan Persekutuan sa-belum sahaja Act ini mula berkuatkuasa, sama ada yang di-pegang atas nama Ketua Pesuruhjaya Persekutuan Budak² Pengakap Chawangan Negeri² Tanah Melayu atau atas nama atau nama² mana² orang sa-bagai pemegang amanah bagi Persekutuan hendak-lah dan harta itu ada-lah dengan ini terletak-hak-nya kapada Perbadanan, dan harta² tersebut serta segala harta yang di-perolehi kemudian-nya sama ada yang boleh di-aleh atau yang tak boleh di-aleh, dan segala yuran, charum, pemberian, denda, wang² pinjaman dan pendahuluan yang di-terima atau yang akan di-terima hendak-lah di-pegang oleh Perbadanan bagi maksud² Act ini dan terta'alok kapada Kaedah² Perbadanan yang ada pada masa itu.

(2) Segala hutang dan tanggungan Persekutuan sa-belum sahaja Act ini mula berkuatkuasa hendak-lah di-bayar oleh Perbadanan, dan segala hutang yang kena di-bayar dan yuran dan charum yang kena di-bayar kapada Persekutuan sa-belum sahaja Act ini mula berkuatkuasa hendak-lah di-bayar kapada Perbadanan.

Meng-
gunakan
pendapatan
dan harta.

11. Pendapatan dan harta Perbadanan, walau dari mana jua pun di-dapati, hendak-lah di-gunakan sa-mata² bagi memajukan tujuan² Perbadanan sa-bagaimana yang tersebut dalam Act ini, dan tiada-lah boleh mana² bahagian-nya di-bayar atau di-pindah-milek dengan sa-chara terus atau tidak terus dengan jalan dividen, bonos atau dengan chara apa jua sa-chara keuntungan kapada ahli² Perbadanan:

Dengan sharat bahawa tiada-lah apa² jua yang terkan-dong di-dalam ini akan menghalang di-bayar dengan suchi hati apa² bayaran kapada mana² pegawai atau kakitangan Perbadanan atau mana² orang sa-bagai balasan kapada apa² perkhidmatan yang sa-benar-nya di-beri terhadap Perbadanan.

Sekatan
atas pen-
jualan
lenchana,
dsb., Per-
sekutuan.

12. Tiada-lah sa-siapa jua, sa-lain daripada Perbadanan atau sa-saorang yang di-berikuasa dengan bertulis untuk berbuat demikian oleh Perbadanan, boleh menjual atau mempamir untuk di-jual apa² lenchana, tanda atau lambang yang khusus-nya di-sesuaikan untuk di-guna oleh sa-saorang Pengakap di-bawah Kaedah² Perbadanan.

13. (1) Tiada-lah sa-siapa jua, yang bukan sa-orang Pengakap, boleh memakai, membawa atau menunjokkan di-tempat 'awam sa-chara yang akan menyebabkan orang itu di-sangkakan sa-bagai sa-orang Pengakap mana² lenchana, tanda atau lambang yang khusus-nya di-sesuaikan untuk di-guna oleh sa-saorang Pengakap di-bawah Kaedah² Perbadanan.

Memiliki lenchana dan sekatan atas menggunakan lenchana.

(2) Tiada-lah sa-siapa jua boleh memiliki dengan tiada kebenaran atau sebab yang sah di-sisi undang²—

(a) apa² tanda yang hampir² sa-rupa dengan mana² lenchana, tanda atau lambang yang khusus-nya di-sesuaikan untuk di-guna oleh sa-saorang Pengakap di-bawah Kaedah² Perbadanan hingga menyebabkan bahawa tanda tersebut di-perchayai sa-bagai lenchana, tanda atau lambang itu; atau

(b) apa² lenchana, tanda atau lambang yang mengandongi apa² perkataan atau tulisan yang hampir² sa-rupa dengan mana² perkataan atau tulisan yang biasa-nya di-guna bagi memperihalkan mana² Pengakap hingga menjadi boleh tertipu atau terkeliru oleh-nya; atau

(c) apa² lenchana, tanda atau lambang yang mengandongi perkataan² "Budak Pengakap" atau "Budak² Pengakap".

14. Undang² yang berikut ada-lah dengan ini di-mansokhkan—

Peman-sokhan.

(a) Ordinance Budak² Pengakap Negeri² Tanah Melayu; 60 tahun 1953.

(b) Ordinance Persekutuan Budak² Pengakap, 1951, Sabah; dan 32 tahun 1951.

(c) Ordinance Persekutuan Budak² Pengakap, 1951, Sarawak sa-takat yang peruntokan²-nya di-pakai bagi budak² pengakap. Bab 99.

HURAIAN

Rang Undang² ini bermaksud hendak memperbadankan Persekutuan Budak² Pengakap Malaysia (atau dalam bahasa Inggeris "Boy Scouts Association of Malaysia"). Hingga sekarang ini Persekutuan Budak² Pengakap yang ada di-Negeri² Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak maseh di-urus dan di-jalankan sa-bagai chawangan Persekutuan Budak² Pengakap yang di-perbadankan di-bawah Piagam di-Raja di-United Kingdom.

2. Dengan ringkas-nya peruntukan² Rang Undang² ini ada-lah seperti berikut :

- (a) Fasal 3 memperbadankan Persekutuan Budak² Pengakap Malaysia dan menyatakan kuasa² Perbadanan;
- (b) Fasal 4 menyatakan matlamat² Perbadanan;
- (c) Fasal 5 menyatakan tujuan dan maksud² Perbadanan ia-itu suatu tujuan bagi menggalakkan kewarganegaraan yang baik di-kalangan budak² dengan membentok watak mereka mengenai amalan yang berikut, ia-itu, dengan melateh mereka dalam perangai yang tertentu mengenai patoh, ta'at dan bergantung kapada diri sendiri; dengan menanam sifat² setia dan bertimbang-rasa kapada orang lain; dengan mengajar perkhidmatan² dan pertukangan tangan dan dengan memper-baiki kesuboran jasmani, akal dan rohani mereka;
- (d) Fasal 6 dan 7 menubuhkan Majlis untuk mentadbirkan Perbadanan dan menyatakan hal² lain yang tertentu berkenaan dengan Perbadanan;
- (e) Fasal 8 mengandongi peruntukan² berkenaan dengan daftar ahli²;
- (f) Fasal 9 memberi kuasa kapada Majlis bagi membuat kaedah² bagi menguruskan Perbadanan;
- (g) Fasal 10 ada-lah berkenaan dengan memindah-milek harta dan tanggongan²;
- (h) Fasal 11 menyatakan chara bagi menggunakan pendapatan dan harta Perbadanan;
- (i) Fasal 12 dan 13 memperuntokkan sekatan mengenai jualan dan penggunaan lenchana dan lambang² yang di-sesuaikan untuk kegunaan Perbadanan; dan
- (j) Fasal 14 memansokhkan undang² yang ada yang berkenaan dengan budak² pengakap.

[PN. 4494.]